POLITEKNIK MUADZAM SHAH
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
Lebuhraya Tun Abdul Razak
26700 Muadzam Shah
PAHANG, MALAYSIA

Tel : 09-450 2005/2006/2007
Faks : 09-450 2009
Portal Rasmi: https://pms.mypolycc.edu.my
Facebook: Polytechnic of Muadzam Shah

Ruj. Kami : PMS/09/01- 01/1-1 Jld.4 (21)
Tarikh : 02 November 2026

Kepada semua Pelajar Senior

LAPOR DIRI PELAJAR SEMASA/SENIOR SESI II : 2026/2027

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa lapor diri pelajar senior akan diadakan pada **27 hingga 29 November 2026** secara berfasa. Bersama-sama ini dilampirkan **Jadual Lapor Diri Pelajar Senior** dan **Kaedah Pembayaran Yuran** melalui **Sistem *iPayment* bagi Sesi II : 2026/2027**. Pelajar dikehendaki untuk mematuhi jadual lapor diri yang telah dilampirkan agar segala urusan yang berkaitan dengan pendaftaran dapat berjalan dengan lancar.

3. Justeru, pelajar diingatkan agar mematuhi arahan yang dikeluarkan bagi membuat pembayaran **Yuran Pengajian**, **Yuran Asrama** dan **Sumbangan Aktiviti dan Kebajikan Pelajar (SAKP)** melalui **Sistem *iPayment*** berdasarkan jadual seperti di bawah, tertakluk kepada keputusan peperiksaan dan kelayakan untuk meneruskan pengajian ke peringkat seterusnya. Manakala bagi **Bayaran Pelbagai (Insurans dan Yuran Majlis Sukan Politeknik)** pula perlu dijelaskan sebaik sahaja keputusan peperiksaan diumumkan pada **24 November 2026** sekiranya pelajar layak untuk meneruskan pengajian ke peringkat seterusnya. Pelajar yang tidak mendaftar dan tidak membayar yuran mengikut tempoh yang ditetapkan seperti di bawah akan diberikan status **Gugur Taraf**. Implikasi status Gugur Taraf adalah pelajar TIDAK BOLEH membuat rayuan menyambung pengajian pada sesi semasa. Pelajar hanya boleh membuat permohonan baharu sebagai pelajar baharu pada sesi seterusnya.

BIL.	YURAN	KAEDAH BAYARAN	TARIKH MULA BAYARAN
1	**YURAN PENGAJIAN – RM200.00** (Kecuali pelajar yang menjalani Latihan Industri) **YURAN ASRAMA – RM360.00** (**Wajib** bagi pelajar yang menghuni asrama sahaja) **SUMBANGAN AKTIVITI DAN KEBAJIKAN PELAJAR (SAKP) – RM50.00** (Kecuali pelajar yang menjalani Latihan Industri dan WBL)	***iPayment*** **RUJUK LAMPIRAN A**	**24 NOVEMBER 2026 – 29 NOVEMBER 2026 (Pengaktifan bil bayaran dan yuran perlu dijelaskan sebelum hari pendaftaran)** ****SILA BAWA SALINAN RESIT BAYARAN YURAN SEMASA PENDAFTARAN SENIOR DI KAUNTER HEP**

...2/-

BIL.	BAYARAN PELBAGAI	KAEDAH BAYARAN
2	**INSURANS – RM35.00** (Bagi Semester 3, 5, 7 dan 9)	***JomPAY*** **RUJUK LAMPIRAN B**
3	**YURAN MAJLIS SUKAN POLITEKNIK – RM15.00** (Bagi semua pelajar senior yang Aktif di PMS)	**Pindahan Wang (*Electronic Fund Transfer*)** **RUJUK LAMPIRAN C**

4. Pelajar perlu membuat pendaftaran secara dalam talian *(online)* melalui **Sistem Pengurusan Maklumat Politeknik (SPMP)** di portal rasmi berikut: ***http://pms.mypolycc.edu.my.*** Pendaftaran hanya boleh dilakukan **selepas 24 jam** daripada waktu pembayaran yuran dibuat melalui sistem ***iPayment***. Semua maklumat pembayaran hendaklah dibuat salinan dan disimpan sebagai bukti pembayaran serta dibawa semasa hari pendaftaran Kamsis untuk tujuan semakan.

5. Sehubungan dengan itu, pelajar juga diingatkan agar mematuhi etika disiplin dan penampilan diri yang ditetapkan semasa hadir untuk pendaftaran. Kegagalan mematuhi perkara ini boleh menjejaskan proses pendaftaran pelajar. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan atau masalah berkaitan pendaftaran, pelajar boleh menghubungi **Unit Hal Ehwal Pelajar di talian 09-4502005 / 2006 / 2007** untuk mendapatkan maklumat lanjut.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(HAJAH NORLEZA BINTI LEHAT)
Timbalan Pengarah Akademik
b.p. Pengarah
Politeknik Muadzam Shah
Pahang

s.k.:
1. Timbalan Pengarah Akademik
2. Timbalan Pengarah Sokongan Akademik
3. Ketua Jabatan JP / JTMK / JKM / JPH / JRKV
4. Pegawai Perhubungan & Latihan Industri
5. Ketua Unit Peperiksaan
6. Ketua Unit Kamsis
7. Ketua Unit Kewangan
8. Fail

ptpd/suratlapordiri/c

POLITEKNIK MALAYSIA
MUADZAM SHAH

JADUAL LAPOR DIRI PELAJAR SENIOR SESI II : 2026/2027

POLITEKNIK MUADZAM SHAH, PAHANG

TARIKH/ HARI	MASA/ TEMPAT	JABATAN	MASA/ TEMPAT	JABATAN
27 NOVEMBER 2026 (JUMAAT)	8.30 PAGI – 11.30 PAGI DEWAN SERI GADING	➢ JABATAN REKABENTUK & KOMUNIKASI VISUAL		
28 NOVEMBER 2026 (SABTU)	8.30 PAGI – 12.30 TENGAH HARI DEWAN SERI GADING	➢ JABATAN PERDAGANGAN	2.30 PETANG – 4.30 PETANG DEWAN SERI GADING	➢ JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL
29 NOVEMBER 2026 (AHAD)	8.30 PAGI – 12.30 TENGAH HARI DEWAN SERI GADING	➢ JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT & KOMUNIKASI	2.30 PETANG – 4.30 PETANG DEWAN SERI GADING	➢ JABATAN PELANCONGAN & HOSPITALITI

**** SEMUA PELAJAR DIKEHENDAKI UNTUK MEMATUHI JADUAL YANG DISEDIAKAN DAN MENJELASKAN YURAN YANG TELAH DITETAPKAN BAGI KELANCARAN PROSES LAPOR DIRI PADA HARI TERSEBUT DI SAMPING PEMATUHAN ARAHAN DARI SEMASA KE SEMASA OLEH POLITEKNIK MUADZAM SHAH.**

LAMPIRAN A

BAYARAN PENGAJIAN

- **TERDAPAT LIMA (5) JENIS BAYARAN PENGAJIAN YANG PERLU DIJELASKAN OLEH PELAJAR IAITU :**
  1) **YURAN PENGAJIAN**
  2) **YURAN KAMSIS / ASRAMA / KOLEJ KEDIAMAN**
  3) **SUMBANGAN AKTIVITI DAN KEBAJIKAN PELAJAR (SAKP)**
  4) **BAYARAN PELBAGAI (INSURANS)**
  5) **YURAN KEAHLIAN MAJLIS SUKAN POLITEKNIK (MSP)**

<table>
<tr><th>BIL.</th><th>JENIS BAYARAN</th><th>JUMLAH (RM)</th><th>KAEDAH BAYARAN</th></tr>
<tr><td>1</td><td>YURAN PENGAJIAN</td><td>200.00
(1 SEMESTER)</td><td rowspan="3">Bayaran (Yuran Pengajian/ Yuran Asrama/ SAKP) hanya melalui Sistem iPayment sahaja.

(RUJUK : TATACARA PENDAFTARAN DAN PEMBAYARAN YURAN PENGAJIAN/ ASRAMA/ SAKP)

<table><tr><td>TARIKH MULA BAYAR</td><td>24 NOVEMBER 2026 – 29 NOVEMBER 2026</td></tr><tr><td>KAEDAH PEMBAYARAN</td><td>iPayment</td></tr></table></td></tr>
<tr><td>2</td><td>YURAN ASRAMA (KAMSIS)</td><td>360.00
(1 SEMESTER)</td></tr>
<tr><td>3</td><td>SUMBANGAN AKTIVITI DAN KEBAJIKAN PELAJAR (SAKP)</td><td>50.00
(1 SEMESTER)</td></tr>
</table>


****Nota:**

- PATUHI ARAHAN KETIKA MEMBUAT PEMBAYARAN **YURAN PENGAJIAN**, **YURAN ASRAMA** DAN **SUMBANGAN AKTIVITI DAN KEBAJIKAN PELAJAR (SAKP)** DI SISTEM ***IPAYMENT***
- POLITEKNIK TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB DI ATAS SEBARANG KESILAPAN YANG BERLAKU DALAM PROSES PEMBAYARAN YURAN.
- **SETIAP RESIT BAYARAN YURAN HENDAKLAH DIBUAT SALINAN DAN DIHANTAR KEPADA PENASIHAT AKADEMIK JABATAN SEBAGAI BUKTI PEMBAYARAN OLEH PELAJAR.**

TATACARA PEMBAYARAN YURAN PENGAJIAN, YURAN ASRAMA DAN SUMBANGAN AKTIVITI DAN KEBAJIKAN PELAJAR (SAKP)

LANGKAH 1:

Layari web https://ipayment.anm.gov.my/. Klik butang Log Masuk.




LANGKAH 2:

Masukkan ID pengguna (emel) dan kata laluan. Klik butang Log Masuk. Pastikan pelajar telah mendaftar ***iPayment***.




Seterusnya pelajar boleh lihat pada menu berkaitan seperti paparan berikut:




LANGKAH 3:


Klik pada ikon menu bil. Bil yang tersedia akan dipaparkan seperti berikut:



Untuk melihat bil terperinci, boleh klik pada ikon




Bil terperinci akan dipaparkan. Seterusnya klik Kembali untuk ke menu sebelumnya.



LANGKAH 4:

Untuk proses pembayaran bil, boleh ikuti langkah berikut. Pilih bil, klik pada butang Bayar.

**** PERHATIAN : SILA BUAT BAYARAN SECARA BERASINGAN BAGI SETIAP BIL UNTUK MEMASTIKAN RESIT BAYARAN DIJANA OLEH SISTEM DAN MENGELAKKAN TIDAK MENDAPAT RESIT BAYARAN**




LANGKAH 5:

Seterusnya paparan menu bayaran seperti berikut. Terdapat empat kaedah pembayaran:


i. **PERBANKAN INTERNET**
ii. **KOD QR DUITNOW**
iii. **KAD**
iv. **E-DOMPET**

Pelajar boleh memilih mana-mana kaedah yang diingini.




i. KAEDAH PERBANKAN INTERNET


Sekiranya memilih **Perbankan Internet**, paparan pilihan bank seperti berikut akan dipaparkan. Pilih bank berkaitan.




Sebagai contoh, pilih Maybank Berhad, seterusnya klik butang Bayar.



Seterusnya klik butang Ya.




Anda akan dibawa ke laman web bank berkenaan. Seterusnya boleh ikuti langkah-langkah membuat pembayaran seperti biasa. Perlu diingat, pastikan **resit bayaran transaksi disimpan** sebagai bukti bayaran.



ii. KAEDAH KOD QR DUITNOW

Jika memilih kaedah Kod QR DuitNow, klik butang Bayar dan seterusnya klik butang Ya.



Seterusnya akan dipaparkan Kod QR seperti di bawah. Sila imbas kod QR tersebut menggunakan aplikasi perbankan/e-dompet untuk proses pembayaran. Perlu diingat, jangan kongsikan kod QR tersebut kepada orang lain. Jangan lupa untuk **menyimpan resit bayaran** sebagai bukti.




iii. KAEDAH KAD

Jika memilih kaedah pembayaran Kad, klik butang Bayar dan seterusnya klik butang Ya.




Paparan berikut akan dipaparkan. Isikan maklumat berkaitan dan teruskan proses pembayaran. Jangan lupa untuk **menyimpan resit bayaran** sebagai bukti.




iv. KAEDAH E-DOMPET

(TIDAK DIGALAKKAN BAGI MENGELAKKAN TIDAK MENDAPAT RESIT BAYARAN DI SISTEM IPAYMENT)

Jika memilih kaedah pembayaran E-Dompet, klik butang Bayar dan seterusnya klik butang Ya.




Berikut adalah paparan untuk memilih aplikasi E-Dompet. Pilih aplikasi E-Dompet berkaitan dan seterusnya klik butang Pay Now dan ikuti langkah seterusnya untuk proses pembayaran. Pastikan salinan **resit transaksi disimpan** sebagai bukti pembayaran.



PEMBAYARAN YANG TELAH SELESAI

Bil yang telah berjaya di bayar, akan hilang daripada senarai bil.



Seterusnya, lakukan pembayaran untuk **Yuran Asrama dan SAKP**. Sila ikuti langkah-langkah yang sama seperti pembayaran Yuran Pengajian.

PERINGATAN : PASTIKAN ANDA **MENYIMPAN SALINAN RESIT** BAGI SETIAP TRANSAKSI BAYARAN SEBAGAI BUKTI. RESIT BOLEH DIPEROLEHI MELALUI DUA KAEDAH :

1. Klik butang **Jana Resit**, atau;
2. Melalui menu **Sejarah Pembayaran**.
   Resit boleh didapati melalui dua kaedah.

   i. Resit **ASAL** – Klik pautan yang diberi dalam e-mel setelah pembayaran berjaya.
   ii. Resit **SALINAN** – Klik pada butang jana resit atau melalui bahagian sejarah pembayaran di akaun iPayment

LAMPIRAN B

BAYARAN PERLINDUNGAN INSURANS TAKAFUL KELOMPOK BAGI PELAJAR

- **SEMESTER 3**
- **SEMESTER 5**
- **SEMESTER 7**
- **SEMESTER 9**

BIL	BAYARAN PELBAGAI (PERLINDUNGAN INSURANS TAKAFUL KELOMPOK)	KAEDAH BAYARAN
1.	SEMUA PELAJAR **WAJIB** MEMBAYAR **PERLINDUNGAN INSURANS PELAJAR** ➢ **PELAJAR SEMESTER 3, 5, 7, 9** ➢ **PELAJAR TAMAT TEMPOH INSURANS** ➢ **BAGI PELAJAR BAHARU BERTUKAR MASUK KE POLITEKNIK MUADZAM SHAH**	***BILLER CODE NAME: POLI. MUADZAM SHAH – YURAN (KOPERASI POLITEKNIK)*** ***BILLER CODE: 687061*** ***JUMLAH: RM35.00*** ***REFERENCE – 1*** ➢ *NO. KAD PENGENALAN PELAJAR* ➢ *(TANPA TANDA " – ")* ➢ *(CONTOH : 010203045566)* ***REFERENCE – 2*** ➢ *NO. TELEFON PELAJAR* ➢ *(TANPA TANDA " – ")* ➢ *(CONTOH : 01234567890)*

KADAR BAYARAN PELBAGAI (INSURANS)

PENGAJIAN	TEMPOH PERLINDUNGAN (SETAHUN)	KADAR
SEMESTER 1	SEMESTER 1 DAN 2	RM35.00
SEMESTER 3	SEMESTER 3 DAN 4	RM35.00
SEMESTER 5	SEMESTER 5 DAN 6	RM35.00
SEMESTER 7	SEMESTER 7 DAN 8	RM35.00
SEMESTER 9	SEMESTER 9	RM35.00

*****PELAJAR DIWAJIBKAN MENYIMPAN SALINAN (soft copy) SLIP PEMBAYARAN INSURANS TERSEBUT SEBAGAI BUKTI BAYARAN***

*****BAYARAN PELBAGAI (INSURANS): RM35.00***

LAMPIRAN C

MAKLUMAT PEMBAYARAN YURAN KEAHLIAN MAJLIS SUKAN POLITEKNIK (MSP)

1. Membuat bayaran pendaftaran dan keahlian setiap semester mengikut aturan di bawah:

   - Bayaran boleh dibuat melalui **PINDAHAN WANG** sahaja (*EFT – Electronic Fund Transfer*) ke akaun **Majlis Sukan Politeknik Malaysia**

BIL.	JUMLAH (RM)	KAEDAH BAYARAN
1	**Semester 2, 3, 4, 5 dan 6**** **YURAN MSP –** **RM 15.00**	BANK : **BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD** NO. AKAUN: **04033010039643** BAYAR ATAS AKAUN : **TETUAN MAJLIS SUKAN POLITEKNIK** KAEDAH BAYARAN: **PINDAHAN WANG / *ELECTRONIC FUND TRANSFER* SAHAJA (*INTERNET BANKING*)** ***Sila nyatakan No. Kad Pengenalan Pelajar sebagai rujukan/*reference* semasa membuat bayaran**

****NOTA : PENGECUALIAN KEPADA PELAJAR YANG MENJALANI LATIHAN INDUSTRI DAN WBL**